

IPU melebihi tahap kritikal

Sinar 24/6/13 MSH

NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN



MUAR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan darurat di Muar dan Ledang, semalam berikutan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencatatkan bacaan 767, jam 7 pagi semalam.

Bacaan IPU pada mulanya bertambah baik kepada 331 sekitar jam 8 pagi sebelum kembali meningkat kepada 710 sekitar jam 10 pagi seterusnya 660 (12 tengah hari) dan 507 (7 petang).

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam (Pencemaran Udara dan Jerebu) Daerah Muar, Abdul Rahman Mohamed Dewam berkata, pengisytiharan darurat itu bukan satu perintah berkurang kerana keselamatan, tetapi lebih kepada soal penjagaan kesihatan.

"Arahan tersebut juga bukan memaksa mereka untuk duduk di rumah, sebaliknya mengurangkan aktiviti luar buat sementara waktu, sehingga langkah seterusnya diumumkan kemudian.

"Daerah ini dan Ledang mencatatkan bacaan IPU melebihi 500 iaitu melebihi tahap kritikal,"

katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Jerebu Peringkat Daerah, di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, pihaknya masih bimbang kerana kadar IPU akan meningkat pada waktu petang dan malam berikutan angin dari Sumatera yang bertiup ke arah Muar.

Katanya, sebagai langkah keselamatan, jawatankuasa berkenaan yang ditubuhkan Khamis lalu akan bertindak mengikut keperluan semua jabatan yang terbabit di daerah berkenaan mengikut arahan dikeluarkan Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Johor.

Beliau berkata, antara pihak berkaitan yang tidak terlibat dengan penutupan operasi yang dikuatkuasakan adalah perkhidmatan bekalan air, elektrik, kesihatan, bomba, pos, telefon dan telekomunikasi.



Keadaan bandar Muar sekitar jam 2 petang semalam pada bacaan IPU 578.

"Begitu juga penyedia perkhidmatan dan jualan minyak kenderaan seperti stesen minyak, ia masih beroperasi seperti biasa.

"Tiada arahan setakat ini un-

tuk menutup kedai, tetapi bagi peniaga kedai makan mesti memakai penutup muka dan hidung serta tidak menggalakkan orang ramai makan di tempat terbuka kerana

udara berhabuk," katanya.

"Pelanggan boleh membeli, tetapi perlu dibawa balik kerana keadaan di luar berhabuk. Kita tidak galakkan makan di luar," katanya.